

03 MAY 1997

Mahathir-Malawi

MAHATHIR AKHIRI LAWATAN BERJAYA KE MALAWI

BLANTYRE (MALAWI), 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengakhiri lawatan pertama kalinya selama tiga hari ke Republik Malawi dengan berkata beliau gembira kerana membuat keputusan untuk melawat negara selatan Afrika itu.

Beliau mensifatkan Malawi sebagai sebuah negara yang indah yang perlu dipertahankan dan berkata beliau sekarang mempunyai gambaran yang baik bagaimana Malaysia dapat memberi kerjasama dalam pembangunan negara itu.

Perdana menteri berkata dari lawatan itu beliau mendapati cerita-cerita negatif yang diberitahu kepada beliau oleh beberapa rakyat Malaysia yang telah melawat negara itu sebagai tidak betul.

Bercakap pada satu sidang berita bersama dengan Presiden Malawi Dr Bakili Muluzi di Istana Sanjika, di sini malam tadi, beliau berkata bidang-bidang baru untuk kerjasama telah dikenalpasti oleh sektor swasta kedua-dua negara.

Perbankan, perlombongan, perladangan dan pelancongan adalah antara bidang-bidang ini, kata Dr Mahathir yang tiba di bandaraya komersil ini Khamis lepas.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan satu delegasi perniagaan yang diketuai oleh pengerusi Kumpulan Arab-Malaysia, Tan Sri Azman Hashim, berkata para peniaga Malaysia juga boleh melabur dalam industri berintensifkan buruh di sini.

Kata beliau untuk membantu Malawi dalam program pembangunannya, kerajaan Malaysia akan berusaha supaya industri berintensifkan buruh di Malaysia dipindahkan ke sini.

Kira-kira 85 peratus dari penduduk Malawi yang berjumlah hampir 11 juta berkecimpung dalam sektor sara hidup dalam bidang-bidang seperti pertanian menjadi pekebun kecil berbagai tanaman kontan.

Dr Mahathir berkata dengan memindahkan industri berkenaan ke republik ini banyak pihak akan mendapat faedah.

"Akan terdapat hasil sampingan yang akan mewujudkan lebih banyak pekerjaan," katanya.

Beliau berkata sekiranya keadaan mewajarkannya, industri-industri ini akan dipindahkan kes sini "secepat mungkin".

Dr Muluzi, yang mencelah, berkata kerajaannya mahu melihat industri-industri ini dipindahkan ke Malawi.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa para peniaga Malaysia di Malawi bukan hanya mahu mengaut untung tetapi juga mahu menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malawi.

Ditanya sama ada syarikat Malaysia bersedia untuk melabur di kawasan pedalaman Malawi, Perdana Menteri berkata "Kami bersedia sekiranya ia menguntungkan."

Katanya pegawai-pegawai dari Institut Pembangunan Pertanian dan Penyelidikan Malaysia (MARDI) telah berada di Malawi untuk mengajar rakyat luar bandarnya bagaimana memaksimakan sumber-sumber mereka.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk mendapatkan bekalan buruh dari Malawi kerana terdapat pekerja asing yang sudahpun berlebihan bekerja di Malaysia tanpa izin.

Mengenai kemungkinan Malaysia menubuhkan perwakilannya di sini, Dr Mahathir berkata disebabkan kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan, langkah ini belum lagi difikirkan buat masa ini "tetapi apabila tiba masanya kami akan menubuhkan perwakilan di sini".

Kepentingan Malaysia di Malawi sekarang terletak dibawah jagaan kedutaan Malaysia di Zimbabwe.

Dr Muluzi yang bercakap terlebih dahulu dalam sidang berita yang penuh itu berkata beliau berharap para pegawai Malaysia dan Malawi akan dapat "berunding untuk mencapai kata putus" mengenai perjanjian-perjanjian yang dibuat pada mesyuarat delegasi dua hala sebelumnya.

Semasa lawatan beliau itu, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Dr Muluzi dan para wakil masyarakat Islam di sini.

Perdana Menteri juga merasmikan upacara memecah tanah Hotel Pusat Bandaraya Blantyre, iaitu satu projek usahasama antara syarikat Malaysia, G-Two Holdings Berhad dan Perbadanan Pembangunan Malawi.

Beliau juga memberi ucapan pada Mesyuarat Perniagaan Malawi-Malaysia dan kemudiannya melawat ibupejabat Telekom Networks Limited bersama dengan Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie yang turut mengiringi Dr Mahathir pada lawatan ke negara ini.

Dr Mahathir dan rombongannya akan berlepas ke Botswana selepas ini sebagai sebahagian lagi lawatan seminggunya ke tiga negara Afrika. --

BERNAMA

ES WAT